

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/2007**

**PENYELARASAN DAN SEMAKAN SEMULA SYARAT-SYARAT
DAN BAYARAN PEMBERIMILIKAN UNTUK LALUAN
PAIP GAS MILIK PETRONAS BERHAD
DI NEGRI SELANGOR DARUL EHSAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan keputusan MMKN 20/2007 bertarikh 30 Oktober 2007 berkaitan penyelarasan dan semakan semula syarat-syarat dan bayaran pemberimilikan untuk laluan paip gas milik Petronas Berhad di Negeri Selangor Darul Ehsan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Penyeragaman semula ini adalah berdasarkan kepada keputusan Majlis Tanah Negara melalui kertas MTN Bil.2/50/2005 yang telah menetapkan garis panduan pengenaan premium yang perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri.

**3. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PEMBERIMILIKAN
KEPADA PETRONAS UNTUK LALUAN PAIP GAS**

3.1 Syarat Tanah

- i) Jenis Hakmilik : Berdasarkan hakmilik sedia ada
- ii) Jenis Suratmilik : Berdasarkan pajakan sedia ada
- iii) Tempoh : 99 tahun
- iv) Premium :
 - i) $\frac{3}{4} \times 1/100 \times$ nilai tanah \times luas tanah \times 99 tahun
 - ii) RM10.00 bagi satu hakmilik jika melibatkan pengambilanbalik tanah
- v) Cukai Tanah : RM0.03 sen sekaki persegi @ **RM0.32 sen** semeter persegi (kadar yang telah diluluskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTES))
- vi) Jenis Kegunaan : Industri
- vii) Syarat Nyata : Industri berat (saluran paip gas)
- vii) Sekatan Kepentingan : Tanah ini boleh dipindahmilik, dijual atau dipajak setelah mendapat kebenaran daripada daripada Pihak Berkuasa Negeri

3.2 Premium Tambahan:

Cukai tahunan x Tempoh menguasaha tanah
tertakluk kepada 10 tahun maksima

- 3.3. Dikecualikan bayaran caruman parit dan cukai parit.
 - 3.4. Bayaran ukur adalah berdasarkan kepada kaedah yang telah digunakan untuk kelulusan pemberimilikan dan pengambilan tanah yang sedia ada.
 - 3.5. Lain-lain syarat tanah yang membabitkan Rizab Melayu masih digunakan kepada semua tanah yang terbabit.
- 4. KELULUSAN-KELULUSAN TERDAHULU BERKAITAN TAPAK YANG TERLIBAT**
- 4.1 Berdasarkan kepada keputusan MMKN, semua keputusan yang luput tempoh dan keputusan yang berbeza daripada syarat baru yang telah diluluskan ini adalah terbatal dengan sendirinya.
 - 4.2. Pentadbir Tanah dikendaki mengeluarkan Notis 5A yang baru dan diluluskan tempoh bayaran tidak melebihi 6 bulan.

5. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

Perlaksanaan pekeling ini adalah serta merta daripada tarikh pekeliling ini.

T.T

(ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 4.12.2007